

## Hubungan berkonflik

Disember 15, 2022 @ 6:45am

Kuala Lumpur: Kes pasangan berusia berusia 30 tahun ke bawah bercerai di negara ini untuk semua bangsa menunjukkan angka yang membimbangkan, antaranya berpunca konflik dalam hubungan hingga memecahbelahkan institusi perkahwinan.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, pasangan berusia 20 tahun ke bawah yang bercerai adalah seramai 6,914 pasangan pada 2019, manakala 5,852 pasangan dilaporkan pada 2020.

Pasangan berusia 20 sehingga 24 tahun bercerai pada 2019 mencatat seramai 18,698 pasangan dan 15,022 pasangan (2020).

Pasangan berusia 25 sehingga 29 tahun bercerai pada 2019 adalah seramai 26,245 pasangan dan seramai 21,368 pasangan (2020).

Pengarah Bahagian Kesejahteraan Keluarga (BKK) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Fauwaz Hasbullah berkata, kes perceraian sentiasa sahaja menunjukkan meningkat daripada tahun ke tahun.

Katanya, ia kerana konflik dalam hubungan rumah tangga menyebabkan perpecahan dan ketidaksepadan antara keluarga yang terbabit.

"Kehidupan berkeluarga bermula daripada sebuah perkahwinan yang sah mengikut undang-undang.

"Kelangsungan sesebuah perkahwinan amat bergantung kepada persediaan mental, fizikal, emosi dan spiritual suami dan isteri. Justeru, penting bagi pengurusan dan sistem kekeluargaan yang mapan kerana corak kehidupan sebuah keluarga mampu mempengaruhi corak kehidupan sebuah masyarakat.

"Perkahwinan bukan sekadar sebagai ikatan yang sah antara lelaki dan wanita kerana ia perlu disertai dengan tanggung jawab, komitmen serta ilmu berkaitan perkahwinan dalam melayari kehidupan berumah tangga," katanya pada Forum Konsultatif Pemantapan Perkahwinan 2022 anjuran LPPKN secara dalam talian, baru-baru ini.

Justeru, LPPKN mengambil inisiatif menganjurkan Forum Konsultatif Pemantapan Perkahwinan 2022 bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan mengenai alam perkahwinan bagi membentuk keluarga sejahtera dan berdaya tahan.

Katanya, ia juga sebagai platform perkongsian input dan pengalaman agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) daripada perspektif agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian yang melaksanakan program pengukuhan perkahwinan dan pemantapan keluarga.

"Ia juga sebagai usaha LPPKN menggalakkan pembabitan masyarakat khususnya pasangan muda bagi menyertai program, kursus praperkahwinan dan pendidikan kekeluargaan.

"Selain meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi konflik hubungan suami isteri, membina komitmen bersama serta berkasih sayang supaya berkekalan hingga akhir hayat," katanya.

Beliau berkata, panel jemputan terdiri daripada LPPKN, Jabatan Kemajuan Islam (Jakim), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan NGO yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Katanya, mereka berkongsi mengenai pengalaman, tip, dasar, data, pendaftaran dan pembubaran perkahwinan bagi pasangan bukan Islam, kursus wajib perkahwinan bagi pasangan Islam serta modul perkahwinan dan kekeluargaan dijalankan.